



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

DI PENGHUJUNG RAMADAN

Tarikh Dibaca:

30 RAMADAN 1444H/

21 APRIL 2023M

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

DI PENGHUJUNG RAMADAN
21 APRIL 2023 / 30 RAMADAN 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ
مِنْكُمْ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ
الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ١٨٥

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Di Penghujung Ramadan**”.

Marilah kita mengambil kesempatan berada pada hari terakhir dari bulan yang mulia ini untuk terus meningkatkan amal ibadah seperti *bertadarus*, bersedekah, menunaikan solat secara berjemaah, menghubungkan silaturrahim dan sebagainya. Bagi yang belum membayar zakat fitrah, tunaikanlah segera Rukun Islam yang keempat itu memandangkan kita sudah berada di penghujung Ramadan. Mudah-mudahan dengan zakat yang kita keluarkan itu dapat membersihkan harta dan dalam masa yang sama para asnaf menerima hak mereka. Hari raya pada hari esok bukan bererti kita boleh melepaskan dan mengabaikan keberadaan Ramadan. Ramadan tetap Ramadan, yang memiliki kelebihan dan kemuliaannya yang dijanjikan oleh Allah SWT dan kita tidak boleh mempersiakkannya walaupun sesaat. Semoga dengan itu, ia akan menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, atas segala nikmat-Nya yang baik kepada kita. Jika diberi kesempatan umur, kita akan menyambut Aidilfitri pada hari esok selaras dengan perisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja setelah selesai proses melakukan cerapan hilal pada malam tadi. Inilah kaedah yang bertepatan dengan petunjuk Rasulullah SAW dengan *rukayah hilal* (melihat anak bulan) dan apabila terhalang mendung atau tidak kelihatan, maka disempurnakan Bulan Syaaban 30 hari untuk Ramadan atau disempurnakan Ramadan 30 hari sebelum memasuki Syawal.

Semuanya menunjukkan keagungan dan Maha Bijaksananya Allah SWT yang mentadbir seluruh alam. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ

مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ۝

Maksudnya: “Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-

randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmah sesuatu yang dijadikanNya)". **(Surah Yunus ayat 5)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menjelang Aidilfitri pada hari esok, khatib ingin mengingatkan sidang Jemaah sekalian tentang beberapa perkara sunnah yang dianjurkan.

Pertama: Mandi sebelum berangkat untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri.

Sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi SAW dan para sahabatnya iaitu Umar dan Ali bin Abi Talib dan lain-lain. Sa'id bin al-Musayyib berkata: "*Sunat-sunat hari raya ada tiga: "Berjalan ke tempat solat, makan sebelum keluar dan mandi"*."

Kedua: Menjamah makanan sebelum pergi solat sunat Aidilfitri.

Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Anas bin Malik, beliau berkata, "*Bahawa Rasulullah SAW tidak berangkat pergi solat sunat pada hari raya Aidilfitri sebelum memakan beberapa butir kurma dan Baginda memakannya dengan jumlah ganjil*".

Disunatkan untuk makan walaupun dengan sebutir kurma sebelum pergi menunaikan solat hari raya merupakan satu bentuk penegasan dalam hal larangan berpuasa pada hari itu dan sebagai penanda bahawa telah selesainya masa puasa Ramadan.

Ketiga: Bertakbir pada Hari Raya Aidilfitri.

Perkara ini termasuk sunnah yang agung pada hari raya, berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 185:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ١٨٥

Maksudnya: "*Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur*".

Waktu bertakbir dalam Hari Raya Aidilfitri bermula sejak malam hari raya sehingga imam masuk ke tempat solat untuk mendirikan solat sunat hari raya.

Keempat: Ucapan tahniah dan selamat

Termasuk adab pada Hari Raya Aidilfitri ialah saling memberikan ucapan tahniah dan selamat yang baik satu sama lain, tidak kiralah bentuk ucapannya. Ucapan yang ditunjukkan oleh Rasulullah dan para sahabat ialah (تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ) atau yang

seumpama dengannya.

Imam Ibn Hajar al-'Asqolaany mencatatkan dalam Kitab *Fathul Bari* bahawa diriwayatkan daripada Jubair bin Nafir, beliau berkata, "Para sahabat Rasulullah SAW, apabila berjumpa pada hari raya, mereka saling mengucapkan antara satu sama lain (dengan ucapan), taqabbalallahu minna wa minka".

Kelima: Berhias pada Hari Raya.

Diriwayatkan dari Jabir RA, beliau berkata, bahawa Nabi SAW memiliki jubah yang Baginda biasa memakainya untuk solat dua hari raya dan Hari Jumaat.

Begitu juga Imam al-Baihaqi ada meriwayatkan dengan sanad yang sahih bahawa Ibnu Umar memakai pakaian yang paling bagus pada hari raya.

Manakala bagi kaum wanita, hendaklah menjauhi perhiasan yang sangat mencolok mata apabila keluar dari rumah. Begitu juga dengan memakai wangi-wangian yang melampau yang boleh mengundang fitnah bagi kaum lelaki.

Keenam: Melalui jalan yang berbeza ketika pergi menunaikan solat.

Dalam sebuah hadis:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ
يَوْمَ عِيدٍ خَالَفَ الطَّرِيقَ

Dari Jabir bin Abdillah radhiallahu anhuma, beliau berkata, “*Pada hari raya, Nabi SAW menempuh jalan yang berbeza*”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari ini juga, kebanyakan orang akan bergerak pulang ke kampung halaman masing-masing. Maka, kesempatan ini, khatib ingin memberikan pesanan kepada sidang Jemaah sekalian yang akan pulang ke kampung agar memastikan rumah yang ditinggalkan dalam keadaan yang baik dan berkunci. Boleh juga memaklumkan kepada pihak polis dengan mengisi borang balik kampung supaya pihak polis dapat melaksanakan rondaan berkala. Khatib juga ingin berpesan agar sentiasa berhati-hati dalam perjalanan. Sentiasalah berakhlak dengan adab Islam dalam perjalanan dan mengamalkan sikap toleransi yang tinggi antara satu sama lain. Sentiasa tenang dan usah terburu-buru ketika dalam perjalanan. Perkara yang paling penting ialah memulakan perjalanan dengan membaca *basmalah* seterusnya berdoa memohon keselamatan dan perlindungan kepada Allah SWT.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa rumusan;

Pertama: Penetapan tarikh hari raya yang diamalkan di negara kita bertepatan dengan kaedah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Kedua: Kita menyambut hari raya dengan mengikut bimbingan dan panduan Syariat sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW dan bukan dengan menuruti hawa nafsu. Itulah bezanya Islam dengan ajaran-ajaran yang lain.

Ketiga: Sentiasa berhati-hati dalam perjalanan dan mohonlah perlindungan kepada Allah SWT agar sentiasa diberi perlindungan dan keselamatan.

Firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا

بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ١٨٦

Maksudnya: “*Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka*

hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul”. (Surah al-Baqarah ayat 186)

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.